

*MUNĀSABAH AL-QUR'ĀN: KAJIAN
PENGGUNAAN KATA DASAR AL-'AQL PADA
PENGAKHIRAN AYAT AL-QURAN*

AFIFAH BINTI ABU BAKAR

JABATAN AL-QURAN DAN AL-HADITH
BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2004

Perpustakaan Universiti Malaya



A511565925

*MUNĀSABAH AL-QUR'ĀN: KAJIAN
PENGGUNAAN KATA DASAR AL-'AQL PADA
PENGAKHIRAN AYAT AL-QURAN*

AFIFAH BINTI ABU BAKAR

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH
SARJANA USULUDDIN BAHAGIAN II
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)

JABATAN AL-QURAN DAN AL-HADITH
BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2004

ABSTRAK

Munāsabah merupakan satu disiplin ilmu yang membicarakan tentang pertautan antara ayat-ayat al-Quran atau antara surah-surahnya berdasarkan penyusunannya dalam *muṣḥaf*. Dalam proses memahami isi kandungan al-Quran, *munāsabah* jarang sekali diperkatakan sebagai salah satu kaedah pentafsiran. Ia kurang popular di kalangan para mufasir kerana dikategorikan sebagai ilmu yang sukar didalami dan difahami. Lebih-lebih lagi apabila terdapat alternatif lain yang dianggap lebih mudah dan senang dipelajari. Ini mengakibatkan penguasaan terhadapnya semakin diabaikan. Menyedari hakikat ini, penulis merasakan kajian mengenainya perlu dilakukan di samping menyedarkan para pengkaji al-Quran akan kepentingan ilmu tersebut. Lantaran itu, penulis telah memfokuskan kajian ini kepada satu tajuk khusus agar bidang kajian tampak lebih jelas dan menjurus. Tumpuan penulis adalah kepada lafaz-lafaz *al-'aql* yang terletak di penghujung ayat. Berdasarkan analisa yang dilakukan, penulis mendapati bahawa lafaz tersebut mempunyai beberapa maksud bergantung kepada intipati dan maksud ayat. *Al-'aql* dalam al-Quran bukan sekadar membawa maksud akal semata-mata, tetapi mencakupi bidang yang lebih luas daripada itu. Al-Quran hanya menjadikan kalimah tersebut sebagai asas dalam menggambarkan aktiviti-aktiviti dan peranan yang dimainkan oleh akal. Hasil daripada kajian keseluruhannya, penulis mendapati bahawa *munāsabah* merupakan ilmu yang mampu membongkarkan kemukjizatan al-Quran. *I'jaznya* bukan sekadar terdapat pada ilmu yang terkandung di dalamnya, bahkan turut terdapat pada setiap susunan huruf, lafaz, ayat dan surahnya.

ABSTRACT

Munāsabah is one of the disciplines of knowledge, which discusses the relationship between verses or chapters in the Qur'an based on its compilation in *mushaf*. In the process of understanding the contents of al-Qur'an, *munāsabah* is rarely being included as one of the methods of interpretation. *Munāsabah* is not so popular among the *mufasir* because it has been categorized as difficult knowledge to be studied in detail. Moreover, there are alternatives, which are easier than *munāsabah*. Therefore, this method of interpretation seems to be neglected. The writer feels that research on this topic need to be done as well as in order to create awareness on the importance of this knowledge. Hence, the writer concludes that the research should focus on one specific topic so that the field of this research will be clear enough. The writer's focus is on the word *al-'aql* which is located at the end of verses. Based on analysis done, the writer finds out that the utterance has several meaning depends on the content and meaning of the verse. *Al-'aql* in the Qur'an does not only mean reason but it comprises wider meaning. Al-Qur'an has only made the word as a basis in depicting activities and role played by the reason. As a result of the overall research, the writer finds out that *munāsabah* is a knowledge, which can disclose the miracles of the Qur'an. Its *i'jāz* does not only exist in the knowledge lies in it but also in the arrangement of its letters, utterances, verses and chapters.

الملخص

المناسبة هي العلم الذي يتحدث عن إرتباط بين الآيات القرآنية وبين ترتيب سورها في المصحف. قلما يستعملها المفسرون في تفسيرهم لأنها من أصعب القواعد في التفسير. ولذلك فلا يهتم بها كثير من المفسرين والدارسين في هذا المجال. ولهذا اختارت الباحثة هذا الموضوع للقيام بدراسة في محاولة لإبراز أهمية المناسبة في تفسير القرآن. وقد ركزت في بحثها عن لفظ العقل الذي يتزيل به الآيات القرآنية. تبيّن على أن لفظ العقل له معانٍ متعددة حسب مناسبتها المعينة. وبنتيجة من هذا البحث، اكتشفت المناسبة عن الإعجاز القرآني في معانيه، وترتيب حروفه وألفاظه وآياته وسوره التي تميزت به القرآن الكريم.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين و الصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه ومن تبعهم بإحسان إلى يوم الدين.

Pertamanya penulis merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Abdul Rashid bin Ahmad atas segala bimbingan dan panduan yang diberikan sepanjang usaha menyiapkan disertasi ini. Selaku penyelia, beliau tidak pernah jemu memberi tunjuk ajar dan buah fikiran dalam membimbing penulis. Tidak lupa juga ucapan penghargaan kepada Yang Berbahagia Prof Madya Dr. Zulkifli bin Mohd Yusoff, Ketua Jabatan al-Quran dan al-Hadith atas segala sokongan dan dorongan yang diberikan selama ini. Kalungan penghargaan ini juga ditujukan semua penyarah dari Akademi Pengajian Islam khususnya dari Jabatan al-Quran dan al-Hadith. Semoga usaha kalian dalam mendidik anak bangsa mendapat ganjaran dan balasan dari Allah s.w.t.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga penulis tujukan buat mama dan baba yang sentiasa memberi dorongan dan mendoakan kejayaan penulis. Tidak dilupakan juga buat adik-adik tersayang Zie, Qilah, Jihah, Hakim, Ajwad dan Wafi yang sentiasa berdiri di belakang penulis dan tidak jemu-jemu memberi kata-kata semangat dan perangsang. Didoakan agar kalian sentiasa berada di bawah lembayung rahmatNya.

Tidak ketinggalan juga ucapan penghargaan dan terima kasih ini ditujukan kepada sahabat-sahabat seperjuangan Ayu, Kak Zam, Cikom, Yah dan Shida yang banyak memberi idea dan pandangan dalam membantu penulis menyiapkan disertasi ini. Mudah-mudahan setiap bantuan yang dihulurkan mendapat pahala setimpalnya di sisi Allah s.w.t. Dan akhir sekali tidak dilupakan juga kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan disertasi ini. Ribuan terima kasih penulis ucapkan di atas segala bantuan dan pertolongan yang diberikan. Hanya Allah yang mampu membalasnya.

Sekian,

Salam hormat dari penulis:

*Affrah binti Abu Bakar,
No. 21 Lorong 2 Kiri,
Jalan Gong Pasir,
23000 Dungun,
Terengganu Darul Iman.*

*Februari 2004 H
Zul Hijjah 1424 M*

KATA PENGANTAR

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah, Tuhan sekelian alam, selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, keluarga dan para sahabat baginda. Pertamanya, syukur alhamdulillah penulis panjatkan ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izinNya penulis telah berjaya menyempurnakan disertasi yang bertajuk: **“*Munāsabah al-Qur’ān: Kajian Penggunaan Kata Dasar al-‘Aql Pada Pengakhiran Ayat al-Quran.*”**

Semenjak dari dahulu lagi, para ulamak Islam menobatkan al-Quran sebagai kitab yang penuh dengan pelbagai ilmu pengetahuan. Ia merangkumi pelbagai aspek kehidupan sama ada dari segi undang-undang, ekonomi, sosial dan sebagainya. Bersesuaian dengan kedudukannya sebagai rujukan utama umat Islam, ia banyak menyediakan panduan agar menganutnya tidak tersasar dalam setiap perlakuan mereka.

Pelbagai usaha telah dilakukan untuk melahirkan mesyarakat berjiwa al-Quran termasuk memantapkan pengajian al-Quran sama ada di sekolah-sekolah mahupun di pusat-pusat pengajian tinggi. Umpamanya pembelajaran al-Quran secara *iqrā'* diperkenalkan kepada pelajar-pelajar Islam semenjak mereka berada di peringkat prasekolah lagi. Namun begitu, bagi golongan yang berkemahiran dan lebih berkemampuan mendalami al-Quran, mereka boleh mempelajari ilmu-ilmu al-Quran dan seterusnya cuba memahamkan orang-orang lain di sekeliling mereka. Usaha ini bukan sekadar dapat memantapkan pembelajaran al-Quran,

malah dapat mempertingkatkan lagi martabat al-Quran sebagai kitab suci umat Islam.

Pelbagai cara dapat dilakukan untuk memperkenalkan ilmu-ilmu al-Quran di persada dunia. Para pengkaji al-Quran boleh meneruskan pengkajian yang sedia ada ataupun mencari bahan baru dalam pengkajian seterusnya. Usaha ini dapat menambahkan koleksi pengkajian yang sudah tersedia disamping membongkarkan lagi rahsia-rahsia yang terkandung di dalam al-Quran.

Lantaran itu, dalam disertasi ini, penulis mencerahkan sedikit usaha untuk dikongsi bersama dalam melihat keindahan dan kemukjizatan al-Quran. Mudah-mudahan ia dapat memberi manfaat kepada kita semua. Walau bagaimanapun kajian ini tetap mempunyai kelemahan dan kekurangan yang perlu diperbaiki. Justeru, penulis amat mengharapkan teguran dan komentar yang membina agar pada masa akan datang kajian yang lebih bermutu dapat dihasilkan. Sesungguhnya segala yang baik itu datang dari Allah s.w.t dan yang buruk itu dari kelemahan dan kekurangan diri penulis sendiri. Akhir kata semoga kita semua mendapat taufik dan hidayahNya dalam apa juar tindakan. Amin.

DEDIKASI

Ya Rabbi..

*Dengan NamaMu Yang Maha
Pengasih Lagi Maha Penyayang
Hamba kerdil ini mengadapmu
Mohon keampunan atas
Segala keterlaluan
Tiada kata-kata yang terucap
Atas segala rahmat dan kurniaanMu
Bimbanglah aku ke jalan redhaMu*

Mama...Baba..

*Terima kasih atas kalungan doa kalian
Memungkinkan aku menapak di menara ilmu ini
Mencari setitik sinar
Untuk mewarnai gelap kejahilan diri
Tanpa pengorbanan kalian
Tak mungkin menjadikan aku
Insan mengenal erti kehidupan
Semoga kalian sentiasa dirahmati Tuhan...*

Guru-guruKu...

*Iluu yang kalian berikan selama ini
Tak bisa ku membalasnya
Ku pocong hanya padaNya
Moga hidup kalian sentiasa
Disimpahi keberkatan...*

Adik-adik yang disayangi...

*Zie, Qilah, Jannah, Hakim, Ajwad & Wafiq
Medan ilmu yang Kak Long terokai
Tidak mungkin sampai ke penghujungnya
Kerna sesungguhnya
Lautan ilmu itu terlalu luas tak bertepi
Semakin diterokai
Semakin kerdil terasa diri
Sambunglah perjuangan ini
Agar kita sama-sama mengenal hakikat diri...*

Sahabat...

*Demi mencari kebahagiaan hakikti
Kita terokai lombong ilmu ini
Kita gadaikan impian
Hanya untuk satu harapan
Moga persahabatan kita
Terus bersemi mencari redha Ilahi...*

Sahabat-sahabat seperjuangan...

*Perjuangan ini masih belum selesai
Jangan biarkan ia ternoktah hanya di sini
Teruskanlah
Moga kita mencapai kebahagiaan
Yang diimpikan
Untuk kehidupan masa hadapan...*

Untuk semua...

*Sesungguhnya ilmu itu mutiara budi
Budi itu sinar akhlak
Dan...
Akhlak yang indah hanya lahir dari
Pancaran cahaya ilmu di dada...*

DAFTAR ISI

JUDUL	
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
AL-MULAKHAS (الملخص)	iv
PENGHARGAAN	v
KATA PENGANTAR	vii
DEDIKASI	ix
DAFTAR ISI	xi
TRANSLITERASI	xvi
DAFTAR SINGKATAN KATA	xviii
SENARAI LAMPIRAN	xx

PENDAHULUAN

A. Pengenalan	1
B. Latar Belakang Masalah	2
C. Objektif Kajian	5
D. Skop Kajian	6
E. Pengertian Tajuk	6
F. Ulasan Penulisan (<i>Literature Review</i>)	8
G. Metodologi Penyelidikan	21
H. Sistematika Penulisan	24

BAB SATU: MUNĀSABAH AL-QUR'ĀN

1.1 Pengenalan	27
1.2 Definisi <i>Munāsabah</i>	28
1.2.1 Dari sesi bahasa	28
1.2.2 Dari segi istilah	29
1.3 Faktor-faktor Kewujudan <i>Munāsabah</i> (أسباب المناسبة)	32
1.3.1 Pertautan yang jelas	32
1.3.1.1 <i>al-Ta'kīd</i> (التأكيد)	33

1.3.1.2 <i>al-Tafsīr</i> (التفسير)	34
1.3.1.3 <i>al-Itirād</i> (الاعراض)	34
1.3.1.4 <i>al-Badal</i> (البدل)	35
1.3.2 Pertautan yang tidak jelas	36
1.3.2.1 <i>al-Ma'rif</i> (المعرف)	36
1.3.2.2 <i>Ghayr al-Ma'rif</i> (غير المعرف)	37
(i) <i>al-Tanzīr</i> (التنظير)	38
(ii) <i>al-Muḍādah</i> (المصادفة)	39
(iii) <i>al-Istitrād</i> (الاسترداد)	40
(iv) <i>Husn al-Takhalluṣ</i> (حسن التخلص)	41
(v) <i>Husn al-Maṭlab</i> (حسن المطلب)	42
1.4 Jenis-jenis <i>Munāsabah</i>	43
1.4.1 <i>Munāsabah</i> antara ayat	44
1.4.1.1 <i>Munāsabah</i> antara jumlah	44
1.4.1.2 <i>Munāsabah</i> antara ayat	45
1.4.2 <i>Munāsabah</i> antara surah	46
1.4.2.1 <i>Munāsabah</i> antara pembukaan surah dengan pembukaan surah sebelumnya	47
1.4.2.2 <i>Munāsabah</i> antara pembukaan surah dengan penutup surah sebelumnya	48
1.4.2.3 <i>Munāsabah</i> antara pembukaan surah dengan penutupnya	49
1.4.2.4 <i>Badi' al-Muqābalāt</i> (بدیع المقابلات) antara surah	51
1.4.3 <i>Munāsabah</i> antara nama surah dengan isi kandungannya	53
1.5 Pendapat Ulamak Mengenai <i>Munāsabah</i>	55
1.5.1 Pendapat pertama	57
1.5.2 Pendapat kedua	58
1.5.3 Pendapat ketiga	58
1.5.4 Pendapat keempat	59
1.6 Kesimpulan	61

BAB DUA: PENGAKHIRAN AYAT AL-QURAN (*AL-FĀŠILAH*)

2.1 Pengenalan	63
2.2 Definisi <i>Fāšilah</i>	63
2.2.1 Dari segi bahasa	63
2.2.2 Dari segi istilah	65
2.3 <i>Fāšilah</i> dan <i>Saja'</i>	67
2.4 Peranan <i>Fāšilah</i>	71
2.4.1 <i>Fāšilah Lafzīyyah</i>	71
2.4.2 <i>Fāšilah Ma'nawiyah</i>	73
2.5 Jenis-jenis <i>Fāšilah</i>	77
2.5.1 <i>al-Tamkīn</i> (السكن)	77
2.5.2 <i>al-Tasdīr</i> (التصدير)	79
2.5.3 <i>al-Tawsyīḥ</i> (الترشيح)	80
2.5.4 <i>al-Ighāl</i> (الإغفال)	81
2.6 Bentuk-bentuk <i>Fāšilah</i>	82
2.6.1 Bentuk pertama	82
2.6.2 Bentuk kedua	82
2.6.3 Bentuk ketiga	85
2.6.4 Bentuk keempat	87
2.6.5 Bentuk kelima	87
2.7 Kaedah Pembinaan <i>Kalām Fāšilah</i>	91
2.7.1 <i>al-Mutarraf</i> (المطرف)	91
2.7.2 <i>al-Mutawāzī</i> (المتوازن)	92
2.7.3 <i>al-Mutawāzin</i> (المتوازن)	92
2.7.4 <i>al-Murṣa'</i> (المرصع)	93
2.7.5 <i>al-Mutamāthil</i> (المنسابل)	94
2.7.6 Menggunakan kalimah <i>gharībah</i>	94
2.8 Kesimpulan	95

BAB TIGA: AKAL DALAM AL-QURAN

3.1 Pengenalan	96
3.2 Definisi Akal	96
3.3 Kedudukan Akal	101
3.4 Keistimewaan Akal	103
3.5 Fungsi dan Peranan Akal	105
3.5.1 Akal sebagai sumber ilmu pengetahuan	106
3.5.2 Akal sebagai sumber hukum	108
3.5.3 Akal sumber mengenal diri dan Tuhan	109
3.5.4 Akal sebagai neraca penimbang	110
3.6 Kebebasan Akal	111
3.7 Kelemahan dan Keterbatasan Akal	113
3.8 Lafaz <i>al-'Aql</i> dalam Al-Quran	117
3.9 Kalimah Lain yang Seerti dengan <i>al-'Aql</i>	118
3.10 Seruan supaya Menggunakan Akal dalam Al-Quran	123
3.10.1 Seruan supaya merenung kejadian diri	125
3.10.2 Seruan supaya merenung kejadian di langit dan bumi	125
3.11 Seruan supaya Meninggalkan Taklid Buta	128
3.12 Kesimpulan	130

BAB EMPAT: ANALISA KATA DASAR *AL-'AQIL* PADA PENGAKHIRAN AYAT AL-QURAN DALAM KONTEKS *MUNĀSABAH AL-QUR'ĀN*

4.1 Pengenalan	132
4.2 Makna <i>al-'Aql</i> dalam Al-Quran	132
4.2.1 <i>al-'Aql</i> yang mempunyai satu makna	133
4.2.1.1 <i>Tafakkara</i> (تَفْكِير)	133
4.2.1.2 <i>Tadabbara</i> (تَذَبَّر)	141
4.2.1.3 <i>I'tabara</i> (تَبَرَّر)	144
4.2.1.4 <i>Adraka</i> (أَدْرَكَ)	148
4.2.1.5 <i>Fahima</i> (فَهِيمَةٌ)	150

4.2.1.6 <i>Lāhaṣa</i> (لَاحْ)	153
4.2.1.7 <i>Tafaqqaha</i> (تَفَقَّدَ)	156
4.2.1.8 <i>'Alima</i> (عَلِمَ)	159
4.2.2 <i>al-'Aql</i> yang mempunyai beberapa makna	164
4.3 Kesimpulan	165

PENUTUP

A. Pengenalan	166
B. Kesimpulan	166
Kesimpulan Umum	166
Kesimpulan Khusus	170
C. Saranan	173
D. Penutup	175

BIBLIOGRAFI	177
--------------------	-----

LAMPIRAN	
-----------------	--

TRANSLITERASI

Bagi perkataan bahasa Arab dalam disertasi ini, penulis menggunakan sistem atau kaedah yang digunakan oleh DBP. Kaedah tersebut ialah:

1. Konsonan

HURUF ARAB	:	HURUF RUMI		HURUF ARAB	:	HURUF RUMI
ا	:	a		ط	:	t
ب	:	b		ظ	:	z
ت	:	t		ع	:	'
ث	:	th		غ	:	gh
ج	:	j		ف	:	f
ح	:	h		ق	:	q
خ	:	kh		ك	:	k
د	:	d		ل	:	l
ذ	:	dh		م	:	m
ر	:	r		ن	:	n
ز	:	z		و	:	w
س	:	s		هـ	:	h
ش	:	sy		ء	:	'
ص	:	š		يـ	:	y
ضـ	:	đ		ةـ	:	h

2. Vokal Panjang

HURUF ARAB	:	HURUF RUMI
ِ	:	ā
ُ	:	ū
ِ	:	ī

3. Vokal Pendek

HURUF ARAB	:	HURUF RUMI
<u>'</u>	:	a
<u>'</u>	:	i
<u>></u>	:	u

4. Diftong

HURUF ARAB	:	HURUF RUMI
أَوْ	:	aw
أَيْ	:	ay
يَّ	:	iy/ī
وَ	:	uww

Istilah atau perkataan yang berasal daripada Bahasa Arab tetapi telah menjadi sebutan umum dalam Bahasa Melayu dieja mengikut Kamus Dewan. Contohnya khurafat, akidah, syariat, tabii, solat dan sebagainya.

DAFTAR SINGKATAN KATA

Abd	:	Abdul
a.s	:	'alayh al-salām
c.	:	cetakan
DBP	:	Dewan Bahasa dan Pustaka
Dr.	:	Doktor
<i>ed.</i>	:	editor
<i>et al.</i>	:	terdapat editor lain selain nama yang ditulis bagi buku yang berkenaan.
H	:	Hijrah
Hj.	:	Haji
h.	:	halaman
<i>ibid</i>	:	dari bahasa Latin <i>Ibidem</i> : pada rujukan yang sama dan berturut dengan sebelumnya.
j.	:	juzuk
jil.	:	jilid
M	:	Masehi
no.	:	nombor
<i>op.cit.</i>	:	dari bahasa Latin <i>Opera-Citato</i> : pada rujukan yang sama tetapi berselang dengan rujukan lain.
Prof.	:	Profesor
r.a	:	Rađiya Allāhu 'anhu
s.a.w	:	Şalla Allāh 'alayh wa sallam
s.w.t	:	Subḥānahu wa Ta‘ālā
terj.	:	terjemahan

t.t : tanpa tarikh
T.P : Tiada Penerbit
T.T.P : Tiada Tempat Penerbit

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A : Ayat-ayat yang diakhiri dengan kata kerja *al- 'aql*.

Aerodahutten

PENDAHULUAN

A. PENGENALAN.

Munāsabah al-āyah, pengakhiran ayat dan akal merupakan tiga elemen penting dalam penulisan desertasi ini. Ketiga-tiga elemen tersebut telah digabungkan dan diletakkan di bawah satu topik khusus. Ia bertujuan untuk merungkaikan sedikit rahsia yang terkandung di sebalik pemilihan kalimah dan susun atur ayat-ayat al-Quran. Sehubungan dengan itu, penulis mengkhususkan kajian ini pada lafaz-lafaz *al-'aql* yang berada di penghujung ayat. Ia terdiri daripada beberapa *sighah* seperti (أَنْلَا تَعْقِلُونَ), (إِنْ كُنْتُمْ تَعْقِلُونَ), (عَلَّمْتُمْ بِعِقْلَوْنَ) (لَقَوْمٌ بِعِقْلَوْنَ) dan (لَا يَعْقِلُونَ).

Sekilas pandang, lafaz tersebut kesemuanya membawa maksud berfikir. Tetapi adakah ia hanya sekadar berfikir? Atau ada maksud lain yang ingin disampaikan oleh Allah s.w.t di sebalik kalimah tersebut? Lebih-lebih lagi apabila lafaz tersebut didapati digandingkan dengan beberapa *sighah* yang berbeza, adakah setiap daripadanya membawa maksud yang berlainan? Inilah antara persoalan yang akan penulis rungkaikan dalam desertasi ini.

Sepertimana kita ketahui, lazimnya maksud sesuatu ayat atau lafaz dalam al-Quran diperolehi melalui *asbāb al-muzūl* ayat tersebut. Tetapi dalam desertasi ini, penulis akan menjadikan ilmu *munāsabah* sebagai landasan utama dalam proses memahami makna dan konsep *al-'aql*. Ini bukan bererti penulis menolak

terus ilmu *asbāb al-muzūl* dalam mentafsirkan ayat-ayat yang berkaitan. Lantaran itu dipenghujung disertasi, penulis akan membuat kesimpulan mengenai lafaz *al-aql*. Adakah ia hanya mempunyai satu maksud atau sebaliknya?

B. LATAR BELAKANG MASALAH

Al-Quran merupakan mukjizat paling agung di sisi Muhammad s.a.w. Antara ketinggian dan kemuliaannya yang tidak mampu ditandingi semenjak dari dahulu lagi ialah pemilihan katanya yang sesuai dan susun atur kalimahnya yang cantik dan menarik. Ia diletakkan tanpa sebarang cacat celanya dan disesuaikan dengan semua masa dan keadaan. Namun begitu, hakikatnya manusia tidak berupaya mencipta keindahan seperti ini walaupun seluruh tenaga dan kepandaian para sarjana dan cendikiawan dunia digabungkan untuk mencipta hanya satu ayat sahaja. Hal ini telah dinyatakan oleh Allah s.w.t melalui firmanNya:

وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَبِّ مَا كُنْتُمْ عَلَىٰ عَيْدِنَا فَأَنْتُمْ بِسُورَةٍ مِّنْ مُّنْهَلٍ وَادْعُوا شَهِدَاءَ كُمْ مِّنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ (23) فَإِنَّ لَمْ تَعْلَمُوا وَلَنْ تَعْلَمُوا فَأَتَقْرَبُوا النَّارَ الَّتِي وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ أَعْدَتْ لِلْكَافِرِينَ (24)

Maksudnya: Dan kalau kamu ada menaruh syak tentang apa yang Kami turunkan (Al-Quran) kepada hamba kami (Muhammad), maka cubalah buat dan datangkanlah satu surah yang sebanding dengan Al-Quran itu, dan panggilah orang-orang yang kamu percaya boleh menolong kamu selain dari Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar. Maka kalau kamu tidak dapat membuatnya, dan sudah tentu kamu tidak dapat membuatnya, maka peliharalah diri kamu dari api neraka yang bahan-bahan bakarnya: manusia dan batu-batu (berhala). (iaitu neraka) yang disediakan untuk orang-orang kafir.

Surah al-Baqarah (2): 23-24

Mentafsir al-Quran bukanlah sesuatu yang dipandang mudah. Oleh sebab itu para ulamak telah menggariskan beberapa ilmu yang harus dimiliki oleh seorang mufasir. *Asbāb al-muzūl* adalah antara ilmu yang paling diberi penekanan dalam konteks ini. Ini kerana ia mampu memberi tafsiran yang tepat dan sekaligus dapat mengelakkan daripada salah faham terhadap pengertian ayat. Hal tersebut turut diakui oleh Imam al-Wāḥidī dalam kitab *Asbāb al-Nuzūl* sebagaimana katanya “tidak mungkin mengetahui tafsir sesuatu ayat tanpa mengetahui kisahnya dan keterangan turunnya”¹

Namun begitu tidak semua ayat al-Quran mempunyai *asbāb al-muzūl*. Bahkan ayat-ayat yang diturunkan tanpa *asbāb al-muzūl* adalah lebih banyak berbanding ayat-ayat yang mempunyai *asbāb al-muzūl*. Misalnya ayat-ayat yang mengisahkan tentang umat-umat terdahulu dan gambaran keadaan hari kiamat serta nikmat syurga dan siksa neraka. Lantaran itu, *munāsabāt* dikatakan ilmu yang tidak kurang pentingnya berbanding *asbāb al-muzūl* dalam mentafsir dan memahami ayat-ayat al-Quran. Ini kerana sesetengah ayat yang tidak mempunyai *asbāb al-muzūl* boleh difahami dengan melihat hubungannya dengan ayat sebelum dan selepasnya. Bahkan segelintir ulamak mengatakan bahawa ia mampu menggantikan *asbāb al-muzūl* sekiranya tidak diketahui sebab turunnya sesuatu ayat.²

Apabila membicarakan tentang ilmu *munāsabah al-Qur'ān*, secara tidak langsung ia turut membincangkan soal susunan lafaz-lafaz al-Quran disamping tartib ayat dan tartib surah. Namun demikian dalam disertasi ini penulis hanya

¹ Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (1999), *al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, j. 1. Beirut: Dār al-Fikr, h. 41.

² Drs. Masjufuk Zuhdi (1980), *Pengantar Ulumul Quran*. Surabaya: Pt. Bina Ilmu, h. 167.

menumpukan pada lafaz *al-'aql*. Lafaz tersebut disebut sebanyak 49 kali dalam al-Quran dalam beberapa bentuk. Lazimnya ia ditemui di penghujung ayat dan inilah yang menjadi tumpuan dan kajian penulis.

Al-'aql atau di dalam Bahasa Melayu disebut akal adalah satu perkataan yang amat sinonim dengan manusia. Kemuliaan dan ketinggian seseorang manusia biasanya dikaitkan dengan nilai akal itu sendiri. Tanpanya manusia seolah-olahnya tiada beza dengan makhluk-makhluk ciptaan Allah yang lain. Disebabkan oleh ketinggian dan kemuliaannya, manusia telah diangkat menjadi khalifah dan seterusnya diamanahkan untuk mentadbir dan memakmurkan muka bumi ini. Tugas dan tanggungjawab tersebut diletakkan di atas bahu manusia, bukan pada makhluk Allah yang lain. Bahkan bukan pada malaikat, makhluk yang sentiasa taat dan patuh atas segala suruhan Allah s.w.t.

Al-Quran banyak memperkatakan tentang kedudukan akal dan kepentingannya dalam kehidupan manusia. Pelbagai pendekatan digunakan dalam proses menyeru manusia agar menggunakan akal serta menjadikannya sebagai neraca penilai bagi setiap perkara yang hendak di lakukan. Kepelbagaiannya pendekatan tersebut membuktikan al-Quran adalah kitab yang kaya dengan bahasa, lafaz, *uslūb* dan ilmu. Ia telah berjaya mendekati seribu satu karenah manusia kerana pendekatan yang digunakan adalah sesuai dengan kadar tingkatan pemikiran mereka.

Keseluruhannya, kajian yang dilakukan ini adalah bertujuan untuk membongkar makna sebenar *al-'aql* yang terletak di penghujung ayat al-Quran berdasarkan *munāsabah al-āyah*.

C. OBJEKTIF KAJIAN

Penulis menggariskan beberapa objektif yang harus dicapai melalui kajian ini. Antaranya:

1. Untuk memberi pendedahan kepada masyarakat Islam khususnya tentang kepentingan ilmu *munāsabah al-Qur'ān* dalam proses memahami dan mentafsir al-Quran.
2. Untuk membongkar makna-makna yang tersembunyi disebalik lafaz *al-'aql* khususnya pada pengakhiran ayat al-Quran berdasarkan *munāsabah al-āyah*.
3. Untuk melihat bagaimana maksud penggunaan akal dan konsep-konsepnya sepetimana yang terdapat dalam al-Quran.
4. Untuk melihat kepelbagaian *sighah al-'aql* yang digunakan dalam al-Quran dalam mengajak manusia berfikir.
5. Untuk menambahkan lagi usaha-usaha yang telah dilakukan sebelum ini dalam mengkaji kemukjizatan lafaz-lafaz al-Quran.

D. SKOP KAJIAN

Dalam kajian ini, tumpuan asas penulis adalah pada ayat-ayat al-Quran. Namun begitu penulis membatasan skop kajian kepada dua perkara yang menjadi aspek utama perbahasan. Pertamanya, pengkajian pada ayat-ayat al-Quran yang diakhiri dengan lafaz *al-'aql*. Keduanya, lafaz-lafaz tersebut seterusnya dikaji dari sudut maknanya menerusi perbahasan ilmu *munāsabah al-Qur'ān*. Gabungan kedua-dua aspek utama ini, penulis akan mengenalpasti makna-makna *al-'aql* yang digunakan di dalam al-Quran disamping mencari hikmah di sebalik pemilihan serta penyusunan lafaz tersebut. Pembatasan skop kajian ini menunjukkan penulis tidak perlu mengkaji dan merungkai semua ayat dan lafaz dalam al-Quran.

E. PENGERTIAN TAJUK.

Sebelum memulakan pengkajian dengan lebih teliti, penulis terlebih dahulu mendatangkan pengertian tajuk kajian ini: "*Munāsabah al-Qu'rān*: Kajian Penggunaan Kata Dasar *al-'Aql* Pada Pengakhiran Ayat al-Quran."

Munāsabah al-Qu'rān: Merujuk *Ensiklopedi Hukum Islam*, *munāsabah* didefinisikan sebagai keterikatan antara satu ayat dan ayat lain atau satu surah dan surah lain, kerana adanya hubungan antara satu dan yang lain, yang umum dan yang khusus, yang konkret dan yang abstrak, atau adanya hubungan sebab akibat, adanya hubungan keseimbangan, adanya hubungan yang berlawanan atau adanya segi-segi keserasian informasi al-Quran dalam bentuk kalimat berita tentang alam

semesta.³ Manakala menurut Mannā' al-Qaṭṭān dalam kitabnya *Mabāhiḥ fī 'Ulūm al-Qur'ān, munāsabāt* ialah satu bentuk ikatan yang wujud sama ada di dalam satu ayat atau dalam beberapa ayat ataupun ikatan tersebut di antara surah dalam al-Quran.⁴

Kajian: Ia bererti kegiatan atau usaha ataupun proses mengkaji.⁵

Penggunaan: Ia bermaksud perihal (perbuatan, kegiatan dan lain-lain) menggunakan sesuatu.⁶

Kata dasar: Ia adalah seerti dengan *kata pokok* iaitu kata yang menjadi pokok daripada kata terbitan. Dengan kata lain ia adalah kata tanpa imbuhan seperti pandang, gelisah, kuat dan lain-lain.⁷

Al-'aql: *Al-'aql* ialah perkataan Arab yang bererti akal. Akal ialah fikiran.⁸ Menurut *al-Mu'jam al-Wasiṭ*, *al-'aql* merujuk kepada sesuatu yang digunakan untuk berfikir dan juga untuk membezakan antara kebaikan dan keburukan serta kebenaran dan kebatilan.⁹ Demikian juga definisi yang diberikan oleh Dr. Wahbah al-Zuhaylī dalam kitabnya *al-Uṣūl al-'Āmah li Waḥdah al-Dīn al-Haq* iaitu kemampuan berfikir yang dimiliki oleh manusia untuk memikirkan hakikat kebenaran sesuatu perkara.

³ Ensiklopedi Hukum Islam (1996), j. 4 (MAK-PUT). Jakarta: PT Ichtiar Baru van Hoeve, h. 1229.

⁴ Mannā' al-Qaṭṭān, (2000) *Mabāhiḥ fī 'Ulūm al-Qur'ān*, c. 3. Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 97.

⁵ Kamus Dewan Edisi Ketiga (2000), c. 5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 560.

⁶ *Ibid.*, h. 418.

⁷ *Ibid.*, h. 584.

⁸ *Ibid.*, h. 19.

⁹ Ibrāhīm Anis Abd al-Halīm et al. (1960) *al-Mu'jam al-Wasiṭ*, jil. 2, c. 2. Kaherah: T.P, h. 617.

Pada: ia merupakan kata sendi nama yang bererti di.¹⁰

Pengakhiran: ia menerangkan perihal mengakhiri atau mengakhirkan ataupun penyudahan¹¹

Ayat al-Qur'an: Dalam *Ensiklopedia Islam Safir* ia didefinisikan sebagai makna yang menggambarkan tentang sesuatu jumlah atau rangkaian kata daripada surah-surah al-Quran al-Karim. Al-Quran al-Karim terdiri daripada surah-surah dan surah-surah ini terbahagi kepada ayat-ayat.¹² Manakala menurut Mannā' al-Qaṭṭān ia adalah rangkaian kata-kata Allah yang di dapati di dalam surah al-Quran.¹³

F. ULASAN PENULISAN (*LITERATURE REVIEW*)

Sepanjang penulisan disertasi ini, penulis banyak merujuk buku dan kajian lepas yang mana ia telah membantu penulis dalam menyiapkan penyelidikan ini. Memandangkan kajian yang dibuat adalah dalam bidang tafsir dan '*Ulūm al-Qur'ān*, maka rujukan yang digunakan kebanyakannya berkaitan dengan bidang tersebut, khususnya bab satu, dua dan empat. Selain itu, sebahagian besar rujukan yang digunakan adalah di dalam Bahasa Arab.

Rujukan utama penulis dalam menyiapkan bab satu dan dua ialah buku asas '*Ulūm al-Qur'ān* iaitu *al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān* karangan Jalāl al-Dīn al-

¹⁰ Kamus Dewan Edisi Ketiga (2000), *op.cit.*, h.952.

¹¹ *Ibid.*, h. 21.

¹² Ensiklopedia Islam Safir (2000), jil. 1-3, Hassan Basri Mat Dahan *et al.* (terj). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 44.

¹³ Mannā' al-Qaṭṭān (2000), *op.cit.*, h. 139.

Suyūṭī¹⁴ dan *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān* karangan Badr al-Dīn Muḥammad bin 'Abd Allāh al-Zarkasyī.¹⁵ Sepanjang penulisan kedua-dua bab, penulis mendapati hampir kesemua buku yang ditemui menjadikan kitab *al-Itqān* dan *al-Burhān* sebagai rujukan utama penulisan mereka. Cuma yang membezakannya ialah cara pengolahan kitab-kitab tersebut adalah lebih mudah dan lebih teratur dan tersusun.

Antara penulisan yang berkaitan dengan pemahaman atas *munāsabah* ialah *al-Jumān fī 'Ulūm al-Qur'ān* karangan Dr. Mahy al-Dīn 'Abd al-Rahmān,¹⁶ *Buhūth Manhajiyah fī 'Ulūm al-Qur'ān* karangan Mūsā Ibrāhīm al-Ibrāhīm,¹⁷ *al-Ijāz wa al-Bayān fī 'Ulūm al-Qur'ān* karangan Muḥammad al-Šādiq Qāmḥāwī,¹⁸ *Dirāsāt fī Tafsīr al-Mawḍū'i li al-Qur'ān al-Karīm* karangan Dr. Zāhir bin 'Awwād al-Almāhi,¹⁹ *Muḥāḍarāt fī 'Ulūm al-Qur'ān* karangan Khālid Ibrāhīm al-Ibrāhīm,²⁰ *Mudkhāl Ilā Ma'rīfah al-Qur'ān al-Karīm: Hādhā al-Qur'ān Fa 'Aina Min al-Muslimīn?* karangan Muḥammad Zakiy al-Dīn Muḥammad Qāsim,²¹ *al-Wāḥy wa al-Qur'ān* karangan 'Abd al-Hamīd Ibrāhīm Sarhān,²² *Mabāhith fī*

¹⁴ Lihat Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (1999), *op.cit.*, h. 435-461.

¹⁵ Lihat Badr al-Dīn Muḥammad bin 'Abd Allāh al-Zarkasyī (t.t.), Muḥammad al-Faḍl Ibrāhīm (tabqīq) *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, j.1. Kaherah: Maktabah Dār al-Turāth, h. 35-111.

¹⁶ Lihat Mahy al-Dīn 'Abd al-Rahmān Ramadhan (1996), *al-Jumān fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 41-50.

¹⁷ Lihat Mūsā Ibrāhīm al-Ibrāhīm (1996), *Buhūth Manhajiyah fī 'Ulūm al-Qur'ān al-Karīm*, c. 2. Amman: Dār al-'Ammār, h. 231-236.

¹⁸ Lihat Muḥammad al-Šādiq Qāmḥāwī (1980), *al-Ijāz al-Bayān fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Makkah: 'Ālim al-Fikrī, h. 146-166.

¹⁹ Lihat Zāhir bin 'Awwād al-Almāhi (1985), *Dirāsāt fī Tafsīr al-Mawḍū'i li al-Qur'ān al-Karīm*. Riyadh: T.P.

²⁰ Lihat Khālid Ibrāhīm al-Fatayānī (1996), *Muḥāḍarāt fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Omman: Dār 'Ummār.

²¹ Lihat Muḥammad Zakiy al-Dīn Muḥammad Qāsim (1987), *Mudkhāl Ilā Ma'rīfah al-Qur'ān al-Karīm: Hādhā al-Qur'ān Fa 'Aina Min al-Muslimīn?*. Kuwait: Dār al-Buhūth al-'Ilmiyyah.

²² Lihat 'Abd al-Hamīd Ibrāhīm Sarhān (1993), *al-Wāḥy wa al-Qur'ān*. Mesir: al-Hai'ah al-Miṣriyyah al-'Āmmah li al-Kutṭāb.

'Ulūm al-Qur'ān karangan Mannā' al-Qaṭṭān²³ dan *Manāhil al-'Irṣān* karangan Muhammad 'Abd al-'Azīz al-Zarqānī.²⁴

Adapun kitab yang membahaskan mengenai ilmu ini secara detail ialah kitab karangan Dr. Muhammad Aḥmad Yūsuf al-Qāsim yang berjudul *al-I'jāz al-Bayāni fī Tartīb Ayāt al-Qur'ān al-Karīm wa Suwaruhu*.²⁵ Beliau membahagikan penulisannya kepada empat bab utama, kemudian dipecahkan pula kepada tajuk-tajuk kecil bagi memudahkan penerangan dan huraian. Antara yang dibincangkan dalam kitab ini ialah sejarah *munāsabah*, jenis-jenis *munāsabah*, penurunan dan penyusunan al-Quran dan beberapa tajuk lain yang berkait rapat dengan ilmu tersebut. Malah beliau turut menghuraikan beberapa kitab tafsir yang mempunyai hubungan dengan ilmu tersebut.

Selain itu penulis juga menggunakan rujukan Bahasa Melayu, tetapi penulisan mengenainya tidak banyak, antara yang penulis temui ialah *Kunci Mengenal al-Quran* karangan Zulkifli Hj Mohd Yusoff,²⁶ *Filsafat al-Quran: Sejarah Pembukuan (Mushaf) Peraturan dan Hukum* karangan Prof. Dr. Hj. Aboebakar Atjeh dan buku terjemahan karangan Imām al-Suyūṭī iaitu *Apa itu al-Quran* yang diterjemahkan oleh Annur Rafiq Shalih Tamhid.²⁷ Buku ini adalah ringkasan dari kitab *al-Itqān*.

²³ Lihat Mannā' Al-Qaṭṭān (2000), *op.cit.*, h. 97-99.

²⁴ Lihat Muhammad 'Abd al-'Azīz al-Zarqānī (l.t.), *Manāhil 'Irṣān fī 'Ulūm al-Qur'ān*. T.T.P: 'Isā al-Bābī al-Halabī wa Syurakāh.

²⁵ Lihat Muhammad Aḥmad Yūsuf al-Qāsim (1979), *al-I'jāz al-Bayāni fī Tartīb Ayāt al-Qur'ān al-Karīm wa Suwaruhu*. T.T.P: T.P.

²⁶ Lihat Zulkifli Hj Mohd Yusoff (1996), *Kunci mengenal al-Quran*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Shd. Bhd.

²⁷ Lihat Imam al-Suyuthi (1992), *Apa Itu al-Quran*. Annur Rafiq Shalih Tamhid (terj). Jakarta: Gema Insani Press.

Dalam menghuraikan contoh-contoh *munāsabah* yang terdapat dalam al-Quran penulis merujuk beberapa buku iaitu *al-Naba' al-'Azīm Naṣarāt Jadīlah fī al-Qur'ān* karangan Muḥammad 'Abd Allāh Darrāz²⁸ dan *Tafsīr Fī Zilāl al-Qur'ān* karangan Sayyid Qutub.²⁹ Antara buku lain yang turut melengkapkan huraian bab ini ialah *Tanāsuq al-Durār fī Tanāsub al-Suwar* oleh Jalāl al-Dīn al-Suyūtī,³⁰ *al-Kasīsyāf 'An Haqā'iq al-Tanzīl wa 'Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta'wīl* oleh Abū Qāsim Jār Allāh Maḥmud bin 'Umar al-Zamakhsyārī,³¹ *Fatḥ al-Qadīr* oleh Muḥammad bin 'Alī bin Muḥammad al-Sywakkānī³² dan *Naṣr al-Durār fī Tanāsub al-Āya wa al-Suwar* oleh Burhān al-Dīn Abī Ḥassan Ibrāhīm bin 'Umar al-Biqā'i.³³

Manakala dalam memperkenalkan konsep ilmu *fāṣilah* yang turut berkait rapat dengan topik disertasi ini, penulis merujuk beberapa buku. Antaranya ialah *Khaṣā'iṣ al-Ta'bīr al-Qur'ānī wa Simātuḥū al-Balāghiyah* karangan 'Abd al-'Azīm Ibrāhīm Muḥammad al-Muṭ'iniy.³⁴ Buku ini banyak membantu penulis khususnya dalam membuat pembahagian bab. Ia juga membincangkan tentang peranan-peranan *fāṣilah* dan persoalan *saja'* dan *fāṣilah* dalam al-Quran secara terperinci dengan gaya bahasa yang agak mudah. Selain dari itu, penulis juga merujuk buku karangan Ahmad Ahmad Badawī iaitu salah seorang ulamak *fāṣilah*

²⁸ Lihat Muḥammad 'Abd Allāh Darrāz (1960), *al-Naba' al-'Azīm Naṣarāt Jadīlah fī al-Qur'ān*. Mesir: Mim al-Sa'ādah.

²⁹ Lihat Sayyid Quṭub (1974), *Fī Zilāl al-Qur'ān*, j.6. Beirut: Dār al-Syurūq, h. 3700.

³⁰ Lihat Al-Suyūtī (1986), 'Abd al-Qādir Ahmad 'Atā (taḥqīq), *Tanāsuq al-Durār fī Tanāsub al-Suwar*, j.1. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

³¹ Lihat Abī al-Qāsim Jār Allāh Maḥmūd bin 'Umar al-Zamakhsyārī (1972), *al-Kasīsyāf 'An Haqā'iq al-Tanzīl wa 'Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta'wīl*, j. 2. Mesir: Syarikah Maktabah wa Maibā'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Jalābi wa Awlādih.

³² Lihat Muḥammad bin 'Alī bin Muḥammad al-Sywakkānī (1994), *Fatḥ al-Qadīr*, 'Abd al-Rahmān 'Amīrah (ed), j. 1. al-Manṣūrah: Dār al-Wafā'.

³³ Lihat Burhān al-Dīn Abī al-Hasan Ibrāhīm bin Umar al-Biqā'i (1969), *Naṣr al-Durār fī Tanāsub al-Āya wa al-Suwar*, j 1, India: Dā'irah al-Ma'ārif al-Uthmāniyyah.

³⁴ Lihat 'Abd al-'Azīm Ibrāhīm Muḥammad al-Muṭ'iniy (1992), *Khaṣā'iṣ al-Ta'bīr al-Qur'ānī wa Simātuḥū al-Balāghiyah*, j.1. Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 218-244

moden, yang berjudul *Min Balāghah al-Qur'ān*.³⁵ Dalam kitab ini, beliau banyak mendatangkan contoh-contoh ayat al-Quran yang berhubung dengan *fāsilah*. Ia banyak membantu penulis dalam menghuraikan bentuk-bentuk *fāsilah* yang terdapat dalam al-Quran. Penulisan kitab ini lebih mirip kepada penulisan Imām al-Suyūtī dalam kitabnya *al-Itqān*.

Selain daripada buku di atas, penulis turut merujuk buku hasil karangan al-Imām Muḥammad Abū Zahrah iaitu *al-Mu'jizāt al-Kubrā: al-Qur'ān Nuzūluhu – Kitābatuhu – Jam'u hu – Ijāzuhu – Jadāluhu – 'Ulūmuhu – Tafsīruhu – Hukm al-Ghanā'i bihi*³⁶ untuk menghuraikan perbezaan yang wujud di antara *fāsilah* dan *saja'*. Disamping itu beliau juga membincangkan persoalan mengenai adakah *saja'* wujud dalam al-Quran. Persoalan tersebut dihurai dengan beberapa pendapat. Antara buku lain yang turut membicarakan persoalan yang sama ialah *al-Mathal al-Sā'ir fī Adab al-Kātib wa al-Syā'ir* karangan Diya' al-Dīn Naṣr Allāh Abī al-Karam Muḥammad bin Muḥammad bin 'Abd al-Karīm Ibn Athīr al-Juzuriy,³⁷ *Ijāz al-Qur'ān: fī Dirāsah Kāsyifah li Khaṣā'iṣ al-Balāghah al-'Arabiyyah wa Mu'āyarah* karangan 'Abd al-Karīm al-Khatīb,³⁸ *Sir al-Faṣāḥah* karangan al-Amīr Abī Muḥammad 'Abd Allāh bin Muḥammad Sa'īd bin Sinān al-

³⁵ Lihat Ahmad Ahmad Badawī (1978), *Min Balāghah al-Qur'ān*. Kaherah: al-Fajjālah, h. 75-90.

³⁶ Lihat Muḥammad Abū Zahrah (t.t), *al-Mu'jizāt al-Kubrā: al-Qur'ān : al-Qur'ān Nuzūluhu – Kitābatuhu – Jam'u hu – Ijāzuhu – Jadāluhu – 'Ulūmuhu – Tafsīruhu – Hukm al-Ghanā'i bihi*. T.T.P: Dār al-Fikr al-'Arabi.

³⁷ Lihat Diya' al-Dīn Naṣr Allāh Abī al-Karam Muḥammad bin Muḥammad bin 'Abd al-Karīm Ibn Athīr al-Juzuriy (1998), *al-Mathal al-Sā'ir fī Adab al-Kātib wa al-Syā'ir*. Al-Syeikh Kāmil Muḥammad Muḥammad 'Uwaidah (taḥqīq.), j.1. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Ilmiyyah.

³⁸ Lihat 'Abd al-Karīm al-Khatīb (1964), *Ijāz al-Qur'ān: fī Dirāsah Kāsyifah li Khaṣā'iṣ al-Balāghah al-'Arabiyyah wa Mu'āyarah*, j. 2. Mesir: Dār al-Fikr al-'Arabi.

Khaffājī³⁹ dan *Kitāb I'jāz al-Qur'ān* karangan al-Imām al-Qādī Abī Bakr al-Bāqilānī.⁴⁰

Adapun buku karangan Dr. Bakrī Syeikh Amin pula- *al-Ta'bīr al-Fanniy fī al-Qur'ān*⁴¹ telah menjadi panduan untuk menerangkan peranan-peranan *fāsilah* dalam al-Quran. Olahannya menampakkan ilmu *fāsilah* memainkan peranan yang besar dalam menentukan kecantikan susunan al-Quran. Antara penulisan lain yang juga menjadi rujukan dalam menerangkan perkara yang sama ialah *al-Taṣwīr al-Fanniy fī al-Qur'ān* karangan Sayyid al-Quṭub,⁴² *al-Kitāb* karangan Abī Basyar ‘Umar bin ‘Uthmān bin Qanbir atau lebih dikenali dengan nama Sibawayh⁴³ dan sebuah latihan ilmiah yang bertajuk *Ilmu Fawasil: Suatu Kaedah Tentang Kaedah Pembelajarannya di Darul al-Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia* hasil kajian Saudara Abdullah Bukhari Abdul Rahim.⁴⁴

Terdapat juga penulisan lain yang sedikit sebanyak membantu penulis melengkapkan kajian bab ini. Buku yang dimaksudkan ialah *Thalāthah Rasā'il fī I'jāz al-Qur'ān li al-Rummāni wa al-Khaṭṭābī wa 'Abd al-Qāhir al-Jurjānī fī al-Dirāsat al-Qur'āniyyah wa al-Naqd al-Adabī* karangan Muḥammad Khalf

³⁹ Lihat Al-Amīr Abī Muḥammad 'Abd Allāh bin Muḥammad bin Sa'īd bin Sinān al-Khaffājī (1982), *Sir al-Faṣīḥah*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

⁴⁰ Lihat Al-Qādī Abī Bakr al-Bāqilānī (1999), *I'jāz al-Qur'ān*, j 2 dari al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān. Beirut: Dār al-Fikr.

⁴¹ Lihat Bakrī Syeikh Amin (1979), *al-Ta'bīr al-Fanniy fī al-Qur'ān*, c. 3, Beirut: Dār al-Syurūq, h. 203-208.

⁴² Lihat Sayyid al-Quṭub (1980), *al-Taṣwīr al-Fanniy fī al-Qur'ān*, c. 6. Beirut: Dār al-Syurūq.

⁴³ Lihat Abī Basyar Umar bin ‘Uthmān bin Qanbir (1983), *al-Kitāb: Kitāb Sibawayh*. 'Abd al-Salām Muḥammad Hārūn (taḥqīq).j. 4, c. 3. Beirut: 'Ālim al-Kutub.

⁴⁴ Lihat Abdullah Bukhari Abdul Rahim (2000), "Ilmu Fawasil: Suatu Kajian Tentang Kaedah Pembelajarannya di Darul al-Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia", (Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Allāh,⁴⁵ *Min Jamaliyyāt al-Taṣwīr fī al-Qur'ān al-Karīm* karangan Muḥammad Quṭub ‘Abd al-‘Āl,⁴⁶ *Mu'tarak al-Aqrān fī Ijāz al-Qur'ān* karangan Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī⁴⁷ dan *Mabāhith fī 'Ulūm al-Qur'ān* karangan Mannā‘ al-Qaṭṭān.⁴⁸ Walaupun tulisan Mannā‘ al-Qaṭṭān ini ringkas dan pendek tetapi ia mampu membantu penulis untuk memahami asas-asas perbincangan ilmu *fāṣilah*.

Secara keseluruhannya, kebanyakan rujukan mengenai *fāṣilah* hanya membincangkan pengenalan asas ilmu tersebut seperti definisi, pembahagian, jenis, peranan dan contoh-contohnya. Sebahagian besar maklumatnya bersumberkan kitab *al-Itqān* dan *al-Burhān*. Malah perbincangan mengenainya diletakkan di bawah tajuk kecil yang dibincangkan bersama-sama tajuk *'Ulūm al-Qur'ān* yang lain.

Dalam kekalutan mencari bahan, penulis menemui satu buku sahaja yang membincangkan mengenai ilmu *fāṣilah* secara khusus iaitu *al-Fāṣilah fī al-Qur'ān* karangan Muḥammad Ḥasnawī.⁴⁹ Huraian mengenai *fāṣilah* dalam kitab tersebut amat terperinci. Beliau menghuraikan tajuk tersebut dari pelbagai sudut. Antaranya ialah dari sudut sejarah *fāṣilah*, tentang sejarah kelahirannya, usaha ulamak-ulamak dahulu dan moden yang cuba memartabatkan ilmu ini disamping mendatangkan huraian setiap hasil tulisan mereka secara ringkas. Tidak kurang juga huraian mengenai ilmu tersebut dari segi pembinaan *kalāmnya*, rukun-

⁴⁵ Lihat Muhammad Khalf Allāh et al. (t.t.), *Thalāth Rasā'il fī 'Ijāz al-Qur'ān li al-Rummānī wa al-Khaṭṭābī wa 'Abd al-Qāhir al-Jurjānī fī al-Dirāsāt al-Qur'āniyyah wa al-Naqd al-Adabī*. Mesir: Dār al-Ma'ārif.

⁴⁶ Lihat Muhammed Quṭub ‘Abd al-‘Āl (1994), *Min Jamāliyyāt al-Taṣwīr fī al-Qur'ān*. T.T.P.: Da'wah al-Haq.

⁴⁷ Lihat Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (1988), *Mu'tarak al-Aqrān fī 'Ijāz al-Qur'ān*, Ahmad Syams al-Dīn (taḥqīq). Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

⁴⁸ Lihat Mannā‘ Al-Qaṭṭān, *op.cit.*, h. 153–155.

⁴⁹ Lihat Muḥammad Ḥasnawī (1986), *al-Fāṣilah fī al-Qur'ān*, c. 2. Beirut: al-Maktab al-Islāmī.

rukunnya dan sebagainya. Selain itu kitab ini turut membahaskan keindahan al-Quran yang terhasil daripada keprihatinan terhadap ilmu ini.

Berdasarkan pemerhatian penulis, penulisan bab satu dan bab dua banyak menggunakan rujukan Bahasa Arab, tetapi dalam bab tiga wujud sedikit perbezaan dengan dua bab sebelumnya kerana wujud keseimbangan rujukan antara Bahasa Arab dan Bahasa Melayu. Malah penulis turut mendapati beberapa buku Bahasa Arab yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu khususnya buku-buku tulisan Imām al-Ghazālī seperti *al-Munqidh Min al-Dalāl* dan terjemahannya *Pembendung Kesesatan* oleh Abdulfatah Haron Ibrahim,⁵⁰ *Mizān al-'Amal*⁵¹ dan terjemahannya *Timbangan Amal: Menuju Kebahagiaan Akhirat* oleh M. Ali Chasan Umar⁵² dan *Ihya' 'Ulūm al-Dīn* yang diterjemahkan oleh Prof. Tk. A. Ismail Yakub.⁵³

Walau bagaimanapun, buku yang paling banyak menghuraikan tentang akal dan membincangkannya secara khusus ialah kitab *Ihya' 'Ulūm al-Dīn*.⁵⁴ Dalam buku tersebut Imam al-Ghazali memperincikan definisi akal menurut pandangan beliau sendiri. Selain itu beliau juga menyentuh tentang bahagian-bahagian akal dan hakikatnya, keistimewaannya dan peranannya kepada manusia sebagai sumber mencari kebenaran. Adapun penjelasan beliau mengenai keistimewaan akal didatangkan dengan bukti dari hadith-hadith Rasulullah s.a.w.

⁵⁰ Lihat Imam al-Ghazali (1983), *Pembendung Kesesatan*. Abdulfatah Haron Ibrahim (terj). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

⁵¹ Lihat al-Imām al-Ghazālī (1964), *Mizān al-'Amal*. Dr. Sulaymān Dunyā (tabqīq). Mesir: Dār al-Ma'ārif.

⁵² Lihat Imam al-Ghazali (1982), *Timbangan Amal: Menuju Kebahagiaan Akhirat*. M. Ali Chasan Umar et al. (terj). Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.

⁵³ Lihat Imam al-Ghazali (1988), *Ihya' 'Ulūm al-Dīn*. Prof. Tk. A. Ismail Yakub (terj). Kuala Lumpur: Victory Ajensi.

⁵⁴ Lihat Abi Hamid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī (1998), *Ihya' 'Ulūm al-Dīn*, jil. 1. T.T.P: Dār Misr.

Antara buku terjemahan lain yang turut menjadi rujukan penulis ialah *al-Islam wa al-'Aql* oleh 'Abd al-Halim Maḥmūd⁵⁵ dan terjemahannya *Islam dan Akal* yang diterjemahkan oleh Mohd Fakhruddin Abd Mukti.⁵⁶ Buku ini menghuraikan bidang-bidang batasan akal yang sememangnya memerlukan kepada bimbingan wahyu. Sehubungan dengan itu buku ini turut menjelaskan peranan al-Quran sebagai pembimbing akal. Manakala buku *al-Qur'ān wa 'Ilm al-Nafs* hasil tulisan Dr. Muhammad 'Uthman Najātī⁵⁷ dan terjemahannya *al-Quran dan Ilmu Jiwa* yang diterjemahkan oleh Ahmad Rofi' 'Usmani⁵⁸ mengenangkan konsep berfikir. Huraianya adalah berdasarkan ayat-ayat al-Quran. Kemudian diberikan langkah-langkah berfikir dalam menangani masalah.

Hasil tulisan Yūsuf al-Qardāwī turut menjadi rujukan penulis. Kitab *'Aql wa al-'Ilm* karangannya menerangkan kedudukan akal dalam al-Quran yang mana di awal bab kitab ini telah disenaraikan ayat-ayat akal mengikut kategorinya. Setelah itu barulah diterangkan bidang-bidang yang bersangkutan dengan akal.⁵⁹ Manakala dalam buku karangan Dr. Wahbah Zuhaylī pula *al-Uṣūl al-'Āmmah li Waḥdah al-Dīn al-Ḥaq* terdapat satu bab kecil yang mengulas tajuk akal secara khusus. Seterusnya bab tersebut dipecahkan kepada bahagian yang lebih kecil seperti hakikat akal, keistimewaan akal dan kepentingannya, bagaimana menjaganya, kebebasannya dan keperluannya kepada hidayah.⁶⁰

⁵⁵ Lihat 'Abd al-Halim Maḥmūd (t.t), *al-Islām wa al-'Aql*, c. 2. Kaherah: Dār al-Ma'ārif.

⁵⁶ Lihat Al-Sheikh Abdul Halim Mahmud (2000), *Islam dan Akal*, c. 2. Mohd Fakhruddin Abd. Mukti (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

⁵⁷ Lihat Dr. Muhammad 'Uthmān Najātī (1993), *al-Qur'ān wa 'Ilm al-Nafs*, c. 5. Kaherah: Dār al-Syūrūq.

⁵⁸ Lihat M. 'Utsman Najati (1985), *al-Qur'an dan Ilmu Jiwa*. Ahmad Rofi' 'Usmani (terj.). Bandung: Penerbit Pustaka.

⁵⁹ Lihat Dr. Yūsuf al-Qardāwī (2001), *al-'Aql wa al-'Ilm fī al-Qur'ān al-Karīm*. Beirut: Muassasah al-Risālah.

⁶⁰ Lihat Dr. Wahbah al-Zuhaylī (1972), *al-Uṣūl al-'Āmmah li Waḥdah al-Dīn al-Ḥaq*. Damsyik: al-Maktabah al-'Abāsiyyah.

Selain daripada itu, buku yang turut membincangkan akal dalam al-Quran dan bidang-bidangnya ialah *Manhaj al-Qur'ān al-Karīm fī Islāh al-Mujtama'* oleh Dr. Muhammad al-Sayyid Yūsuf,⁶¹ *Qiyam Haḍāriyyah fī al-Qur'ān al-Karīm* oleh Tawfiq Muḥammad Sibā'⁶² *Ni'am Allāh fī Khalq al-Insān Kamā Yuṣawwiruhu al-Qur'ān al-Karīm* oleh 'Izzat Muḥammad Ḥasan,⁶³ *al-Waḥy al-Muḥammadiy* oleh Muḥammad Rašīd Rīḍā,⁶⁴ *al-Islam: Dīn al-'Ilm wa al-Madīnah* oleh al-Syeikh Muḥammad 'Abduh⁶⁵ dan *Dalīl al-Anfus Bayn al-Qur'ān al-Karīm wa al-'Ilm al-Hadīh* oleh Tawfiq Muḥammad 'Iz al-Dīn.⁶⁶

Namun begitu buku *Mafhūm al-'Aql wa al-Qalb fī al-Qur'ān wa al-Sunnah* yang dikeluarkan oleh Dr. Syeikh Muḥammad 'Aliy al-Jūzū pula merupakan buku yang mempunyai huraian yang agak terperinci mengenai bidang-bidang yang berkaitan dengan akal. Umpamanya untuk mentakrifkan akal, beliau mendatangkan definisi bagi setiap perkataan yang seerti dengan akal berdasarkan beberapa buah kamus. Malah penjelasannya mengenai akal dalam al-Quran turut dihuraikan satu persatu berdasarkan ayat-ayat al-Quran. Akhir sekali, hasil daripada huraian dan kajian mengenainya, beberapa kesimpulan telah dibuat mengenai makna-makna akal dalam al-Quran.⁶⁷

⁶¹ Lihat Dr. Muhammad al-Sayyid Yūsuf (2002), *Manhaj al-Qur'ān al-Karīm fī Islāh al-Mujtama'*. Kaherah: Dār al-Salām.

⁶² Lihat Tawfiq Muḥammad Sibā' (t.t.), *Qiyam Haḍāriyyah fī al-Qur'ān al-Karīm*. Kaherah: Dār al-Manār li al-Nasr wa al-Tawzī'.

⁶³ Lihat Dr. 'Izzat Muḥammad Ḥasan (1984), *Ni'amū Allāh fī Khalq al-Insān Kamā Yuṣawwiruhu al-Qur'ān al-Karīm*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.

⁶⁴ Lihat Muḥammad Rašīd Rīḍā (t.t.), *al-Waḥy al-Muḥammadiy*, c. 8. T.T.P: al-Maktab al-Islāmiy.

⁶⁵ Lihat Al-Syeikh Muḥammad 'Abduh (t.t.) *Islām Dīn al-'Ilm wa al-Madīnah*. Tāhir al-Tanāḥī (taḥqīq). T.T.P: Dār al-Hilāl.

⁶⁶ Lihat Tawfiq Muḥammad 'Iz al-Dīn (1986), *Dalīl al-Anfus Bayn al-Qur'ān al-Karīm wa 'Ilm al-Hadīh*. Kaherah: Dār al-Salām.

⁶⁷ Lihat Dr. Syeikh Muḥammad 'Aliy al-Jūzū (1983), *Mafhūm al-'Aql wa al-Qalb fī al-Qur'ān wa al-Sunnah*, c. 2. Beirut: Dār al-Ilm li al-Malāyīn.

Manakala *Akal dan Wahyu Dalam Islam* hasil karangan Prof. Dr. Harun Nasution pula menyentuh tentang bentuk-bentuk ayat akal dalam al-Quran dan definisi akal secara ringkas pada permulaan bab buku tersebut. Antara lain yang turut dibincangkan ialah lafaz-lafaz yang sama erti dengan akal dan akal dari sudut pandangan falsafah.⁶⁸ Adapaun buku Ahmad Husnan, *Berbenah Diri Menuju Pemikiran Islami* merupakan buku yang banyak memberi maklumat kepada penulis khususnya dalam persoalan kebebasan akal, kelemahan dan keterbatasannya serta fungsi-fungsinya.⁶⁹

Buku-buku lain yang turut melengkapkan maklumat-maklumat yang diperlukan dalam bab ini ialah *Pembalasan: Syurga atau Neraka* oleh Ni'mat Shidqi,⁷⁰ *Filsafat Agama* oleh Dr. Harun Nasution,⁷¹ *Manusia dan Islam* oleh Dr. Haron Din,⁷² *Falsafah Hidup* oleh Prof. Dr. Hamka,⁷³ *Khazanah Intelektual Islam* oleh Nurcholis Madjid, *Motivasi Diri: Membina Imaginasi Cemerlang* oleh Dr. HM Tuah Iskandar al-Haj⁷⁴ dan *Paradigma Intelektual Muslim* oleh Abdul Munir Mulkhan.⁷⁵

Selain daripada buku-buku, penulis juga merujuk beberapa latihan ilmiah dan tesis. Salah satu daripadanya ialah tesis yang bertajuk *al-Ghazaliy: Suatu*

⁶⁸ Lihat Prof. Dr. Harun Nasution (1983), *Akal dan Wahyu dalam Islam*. Indonesia: UI PRESS.

⁶⁹ Lihat Ahmad Husnan (1992), *Berbenah Diri: Menuju Pemikiran Islam*. Jakarta: Pustaka al-Kautsar.

⁷⁰ Lihat Ni'mat Shidqi (1982), *Pembalasan: Syorga atau Neraka*. Syed Ahmad Semait (terj.). Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.

⁷¹ Lihat Harun Nasution (1975), *Falsafat Agama*, c. 2. Jakarta: Bulan Bintang.

⁷² Lihat Dr. Haron Din (2002), *Manusia dan Islam*, jil. 3, c. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

⁷³ Lihat Prof. Dr. Hamka (1983), *Falsafah Hidup*, c. 3. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

⁷⁴ Lihat Dr. HM Tuah Iskandar al-Haj (2003), *Motivasi Diri: Membina Imaginasi Cemerlang*, c. 3. Selangor: Karya Bistari.

⁷⁵ Lihat Abdul Munir Mulkhan (1994), *Paradigma Intelektual Muslim: Pengantar Filsafat Pendidikan Islam Dan Dakwah*, c. 2. Yogyakarta: SIPRESS.

kajian Tentang Pemikirannya Mengenai Akal dan Kebebasannya oleh Saudara Yaman bin Towpek.⁷⁶ Dalam tesis ini perbahasan mengenai akal dibincangkan secara berasingan dan di bawah tajuk khusus. Penulisan beliau mengenai akal banyak membantu penulis kerana setiap fakta diperincikan dengan huraian. Malah penulisannya dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti definisi, jenis, lokasi, nilai dan kemampuan akal. Selain itu soal peranan, tugas, kedudukan dan bidang jangkauan akal turut disentuh.

Manakala latihan ilmiah berjudul *Peranan Akal Menurut Perspektif al-Quran: Kajian Khusus Ayat 164 Surah al-Baqarah* oleh Saudari Azlina binti Hj. Daud pula memberi idea kepada penulis khususnya dalam penulisan definisi akal yang pelbagai. Latihan ilmiah tersebut turut menyentuh persoalan-persoalan tentang kelemahan dan keterbatasan akal, al-Quran sebagai pembimbing akal, kebebasan berfikir dan akal menurut pandangan al-Ghazali.⁷⁷ Di samping itu, penulis juga merujuk latihan ilmiah *Batas-batas Penggunaan Akal dalam Pemikiran Islam* oleh Saudari Wan Shamilah Wan Mahmud. Penulisan tersebut menghuraikan beberapa topik mengenai akal seperti hakikat akal, akal dan wahyu, akal dan ilmu dan kebebasan akal sama ada dalam aspek agama dan dunia.⁷⁸

Selain daripada buku-buku yang disebut, penulis turut merujuk beberapa kamus dan ensiklopedia khususnya dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan istilah dan definisi. Antara yang menjadi rujukan penulis ialah *al-Mu'jam al-*

⁷⁶ Lihat Yaman bin Towpek (1998), "Al-Ghazali: Suatu Kajian Tentang Pemikirannya Mengenai Akal dan Kebebasannya" (Tesis, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

⁷⁷ Lihat Azlina Hj. Daud (2003), "Peranan Akal Menurut Perspektif al-Quran: Kajian Khusus Ayat 164 Surah al-Baqarah" (Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

⁷⁸ Lihat Wan Shamilah Wan Mahmud (1997), "Batas-batas Penggunaan Akal dalam Islam" (Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

'Arabi' oleh Muhammed Mukhtar Umar et al.,⁷⁹ *Lisān al-'Arab* oleh al-'Allāmah Abī Faḍl Jamāl al-Dīn Muhammed bin Mukarram Ibn Manzūr,⁸⁰ *al-Mu'jam al-Wasīṭ* oleh Ibrāhīm Anīs et al.,⁸¹ *Tartīb al-Qāmus al-Muhiṭ 'alā Tarīqah al-Miṣbāh al-Munīr wa Asās al-Balāghah* oleh al-Tāhir Aḥmad al-Rāzī,⁸² *Ensiklopedia Islam Safir* terbitan Dewan bahasa dan Pustaka⁸³ dan *Ensiklopedi Hukum Islam* terbitan PT Ichtiar Baru van Hoeve Jakarta.⁸⁴

Adapun dalam bab empat, kebanyakan rujukannya adalah kitab-kitab tafsir. Antaranya ialah *Naẓm al-Durār fī Tanāsūb al-Āya wa al-Suwār* oleh Burhān al-Dīn Abī Ḥassan Ibrāhīm bin 'Umar al-Biqā'i,⁸⁵ *Mafātiḥ al-Ghayb* karangan Fakh al-Dīn al-Rāzī,⁸⁶ *Jami' al-Bayān fī Tafsīr al-Qur'ān* karangan al-Tabārī,⁸⁷ *Rūh al-Ma'āni fī Tafsīr al-Qur'ān al-'Azm wa al-Sab' al-Mathāni* karangan al-Alūsī,⁸⁸ *Tafsīr al-Marāghī* karangan Aḥmad Muṣṭafā al-Marāghī⁸⁹ dan beberapa lagi tafsir lain.

Keseluruhananya dapat disimpulkan bahawa hampir 80 peratus rujukan penulis gunakan adalah buku-buku yang ditulis dalam Bahasa Arab khususnya dalam bab satu, dua dan empat. Keadaan ini terjadi mungkin disebabkan oleh

⁷⁹ Lihat Ahmad Mukhtar 'Umar et al. (t.t), *al-Mu'jam al-'Arabi*, T.T.P: T.P.

⁸⁰ Lihat Al-'Allāmah Abī al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muhammed bin Mukarram Ibn Manzūr (1990), *Lisān al-'Arab*. Beirut: Dār al-Šādir.

⁸¹ Lihat Ibrāhīm Anīs et al (t.t), *op.cit.*

⁸² Lihat Al-Tāhir Aḥmad al-Rāzī (t.t), *Tartīb al-Qāmus al-Muhiṭ 'alā Tarīqah al-Miṣbāh al-Munīr wa Asās al-Balāghah*, c. 2. T.T.P: Isāl al-Bābī al-Ḥalabī wa Syurakāhu.

⁸³ Lihat Ensiklopedia Islam Safir (2000), *op.cit.*

⁸⁴ Lihat Ensiklopedi Hukum Islam (1997), *op.cit.*

⁸⁵ Lihat Burhān al-Dīn Abī al-Hasan Ibrāhīm bin Umar al-Biqā'i (1969), *Naẓm al-Durār fī Tanāsūb al-Āya wa al-Suwār*. India: Dā'irah al-Ma'arif al-Uthmāniyyah.

⁸⁶ Lihat Al-Fakhru'l-Rāzī (t.t), *al-Tafsīr al-Kabīr*, c. 2. Tehran: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

⁸⁷ Lihat Abī Ja'far Muhammed bin Jarir al-Tabārī (1968), *Jāmi' al-Bayān 'An Ta'wīl al-Qur'ān*, c. 3. Mesir: Syarikah Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Aulādīh.

⁸⁸ Lihat al-'Allāmah Abī al-Faḍl Syihab al-Dīn al-Sayyid Mabmūd Syukri al-Alūsī (1993), *Rūh al-Ma'āni fī Tafsīr al-Qur'ān al-'Azm wa al-Sab' al-Mathāni*. Beirut: Dār al-Fikr.

⁸⁹ Lihat Aḥmad Muṣṭafā al-Marāghī (1963), *Tafsīr al-Marāghī*, c. 3. Mesir: Syarikah Maktabah wa Maṭba'ah.

perbahasan mengenainya jarang diperkatakan di kalangan masyarakat Melayu. Malah berdasarkan pemerhatian penulis, buku-buku yang membincarakan mengenai ilmu *munāsabah al-Qur'ān* dan *fāsiḥah al-āyah* dalam bab satu dan dua agak berkurangan. Ia juga mungkin disebabkan oleh kekurangan perbahasan mengenainya berbanding ilmu-ilmu '*Ulūm al-Qur'ān* yang lain seperti *al-amthāl*, *asbāb al-nuzūl* dan sebagainya.

G. METODOLOGI PENYELIDIKAN

Di dalam suatu penyelidikan, metodologi merupakan satu perkara yang perlu dititikberatkan kerana ia merupakan suatu kaedah atau tatacara yang digunakan dalam sesuatu penyelidikan. Perkataan metodologi bererti suatu ilmu tentang cara suatu penelitian.⁹⁰ Ia berasal dari bahasa Yunani "Methodos" yang bererti cara atau jalan dan "Lagos" yang bererti ilmu. Jadi, metodologi merupakan ilmu tentang cara mengadakan penelitian.⁹¹ Sehubungan dengan itu, penulis menggunakan dua jenis metode penyelidikan dalam menyiapkan kajian ini iaitu metode pengumpulan data dan metode analisa data. Secara keseluruhannya kajian ini adalah bersifat *library research* atau kajian perpustakaan sepenuhnya.

1. Metode pengumpulan data

Di dalam proses pengumpulan data, penulis menggunakan dua jenis metode:

⁹⁰ Imam Bernadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, h. 51.

⁹¹ *Ibid.*

(1) Metode Historis

Metode historis bererti suatu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kajian⁹². Penggunaan metode ini amat penting untuk mendapatkan data yang mempunyai nilai sejarah. Penulis menggunakan metode ini untuk mendapatkan maklumat mengenai pendapat-pendapat ulamak terdahulu mengenai ilmu *munāsabah* dan ilmu *fāṣilah* dalam bab satu dan dua.

(2) Metode Dokumentasi

Metode dokumentasi ialah metode pengumpulan data yang didapati dengan melakukan kajian terhadap dokumen yang ada hubungan dengan masalah yang dikaji.⁹³ Dokumen pula bererti benda bertulis yang dapat memberikan pelbagai keterangan.⁹⁴ Maka ia termasuklah kumpulan hukum-hukum, peraturan, keputusan-keputusan pengadilan, potret, gambar dan sebagainya.⁹⁵ Berhubung dengan penyelidikan ini, penulis menggunakan dokumen-dokumen seperti kamus, ensiklopedia, buku-buku karangan ulamak muktabar, kitab-kitab tafsir, kajian-kajian terdahulu dan sebagainya. Kesemua dokumen ini banyak membantu penulis untuk mendapatkan data-data mengenai:

1. Pengertian *munāsabah al-Qur'ān* dalam bab satu.
2. Perbahasan mengenai pengakhiran ayat al-Quran ataupun dikenali sebagai *fāṣilah* dalam bab dua.
3. Kajian akal dalam al-Quran dalam bab tiga.
4. Kajian terhadap lafadz *al-'aql* dalam bab empat.

⁹² *Ibid.*, h. 502.

⁹³ Abd Halim Hj. Mat Diah (1987), *Risalah: Suatu Contoh Tentang Huraihan Metodologi*. Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin AIUM, h. 117.

⁹⁴ Imam Bernadib, *op.cit.*, h. 55.

⁹⁵ *Ibid.*

Untuk mendapatkan maklumat kajian, penulis menggunakan beberapa buah perpustakaan, antaranya ialah:

1. Perpustakaan Utama Universiti Malaya Kuala Lumpur
2. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam U.M Kuala Lumpur
3. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam U.M Nilam Puri
4. Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa
5. Perpustakaan Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin Kuala Terengganu.
6. Perpustakaan Awam Pusat Islam Malaysia
7. Perpustakaan Awam Daerah Dungun

2. Metod Analisa Data

Untuk menganalisis data-data yang dikumpulkan supaya nampak kemas dan rapi, penulis menggunakan beberapa metode iaitu:

(1) Metode Induktif

Metode induktif ialah cara membuat kesimpulan yang berpangkal daripada bukti-bukti yang bersifat khusus untuk dijadikan dasar dalam mencari kesimpulan lain yang bersifat umum.⁹⁶ Penulis menggunakan metode ini dalam membuat kesimpulan secara menyeluruh terhadap kajian-kajian yang dilakukan dalam bab penutup. Metode ini digunakan untuk mendapat kesimpulan secara umum berdasarkan perkara-perkara yang dibincangkan dan diselidiki secara khusus.

⁹⁶*Ibid.*, h. 52.

(2) Metode Deduktif

Metode deduktif adalah keterbalikan metode induktif. Ia bererti cara membuat kesimpulan yang berpangkal daripada bukti-bukti yang bersifat umum untuk mencari data yang bersifat khusus. Penulis akan menggunakan metode ini dalam menganalisa semua ayat al-Quran yang diakhiri dengan lafaz *al-'aql* dan seterusnya membuat satu kesimpulan hasil daripada proses penganalisaan itu. Metode ini akan digunakan di dalam penulisan bab empat.

(3) Metode komparatif

Metode komperatif pula adalah satu cara untuk membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap segala data dan fakta yang diperolehi dalam penyelidikan.⁹⁷ Penulis menggunakan metode ini dalam membuat perbandingan antara tafsir al-Quran mengenai ayat-ayat yang diakhiri dengan lafaz *al-'aql*. Perbezaan dan persamaan tafsiran mengenainya akan dianalisa dan dikaji dan seterusnya satu kesimpulan khusus akan dibuat mengenainya. Metode ini digunakan di dalam bab empat.

H. SISTEMATIKA PENULISAN

Sebelum memulakan penyelidikan dengan lebih mendalam, terlebih dahulu penulis memberi satu gambaran kasar mengenai tajuk-tajuk yang bakal dibincangkan. Kajian dimulakan dengan pendahuluan di mana di sini penulis menjelaskan perkara-perkara asas berkaitan dengan kajian seperti latar belakang

⁹⁷ Abd. Halim Hj. Mat Diah (1987), *op.cit.*, h. 136.

masalah kajian, pengertian tajuk, objektif kajian, skop kajian, metodologi penyelidikan dan akhir sekali sistematika penulisan.

Seterusnya ia disusuli dengan bab satu yang dibahagikan kepada beberapa tajuk kecil. Pertamanya penulis mendatangkan pengertian *munāsabah al-Qur'ān* dari segi bahasa dan istilah. Kemudian diikuti tajuk-tajuk lain seperti faktor-faktor kewujudan *munāsabah*, jenis-jenis *munāsabah* dan pendapat ulamak mengenai *munāsabah*. Tajuk-tajuk ini pula dipecahkan kepada beberapa tajuk yang lebih kecil bagi memudahkan huraian dan penerangan. Mengetahui pengertian *munāsabah al-Qur'ān* dan bidang-bidang yang berkaitan dengannya amat penting terutamanya dalam membuat analisa dalam kemuncak kajian yang dibincangkan dalam bab empat.

Manakala di dalam bab kedua, penulis menerangkan konsep pengakhiran ayat al-Quran atau dalam istilah '*Uhūm al-Qur'ān* ia lebih dikenali sebagai *al-fāṣilah al-qur'āniyyah*. Ia juga merupakan topik yang tidak kurang pentingnya dalam penyelidikan ini. Antara sub topik yang penulis ketengahkan dalam menjelaskan konsep ini ialah pengertian *al-fāṣilah* dari sudut bahasa dan istilah, *fāṣilah* dan *saja'*, peranan *fāṣilah*, jenis-jenis *fāṣilah*, bentuk-bentuk *fāṣilah* dan kaedah pembinaan kalam *fāṣilah*. Bagi menperjelaskan lagi perbincangan tersebut, sebahagian daripadanya telah dipecahkan kepada tajuk-tajuk yang lebih kecil.

Dalam bab yang ketiga pula, penulis mendedahkan persoalan mengenai akal dalam al-Quran. Seperti bab-bab sebelumnya, ia turut dipecahkan kepada

tajuk-tajuk kecil. Sebelum menyentuh persoalan akal secara khusus dalam al-Quran, pertamanya penulis mendatangkan definisi akal dari segi bahasa dan istilah. Seterusnya diikuti dengan kedudukannya, keistimewaannya, fungsi dan peranannya, kebebasan, kelemahan dan keterbatasannya. Setelah itu barulah penulis menjuruskkan perbincangan mengenai ayat-ayat akal dalam al-Quran. Bagi memperluaskan skop perbincangan tersebut, penulis turut memaparkan beberapa perbahasan lain yang berkaitan dengannya, seperti kalimah-kalimah lain yang seerti dengan lafaz *al-'aql*, seruan menggunakan akal dalam al-Quran dan seruan meninggalkan taklid buta.

Seterusnya bab yang keempat iaitu kemuncak penyelidikan, penulis menggabungkan maklumat bab-bab sebelum ini dalam membuat penganalisaan terhadap ayat-ayat *al-'aql* dalam al-Quran. Hasil penganalisaan tersebut dihuraikan satu persatu berdasarkan *munāsabah* ayat. Akhir sekali dalam bab penutup penulis membuat beberapa kesimpulan terhadap kajian-kajian yang telah dilakukan dan diikuti dengan beberapa saranan dari penulis sendiri.